

Faktor-Faktor Pengambilan Makanan Segera Dalam Kalangan Murid Sekolah Tahfiz

Factors of Fast-Food Consumption Among the Tahfiz School Students

Mohd Muaz b. Abdul Hamid¹ & Nurul Hayati bt. Zahid^{2*}

¹Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

²Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI), Jalan Heman, Kampung Aman,
80350 Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Corresponding author: hayatizahid@kuijsi.edu.my

Received: 28 Mac 2025; **Accepted:** 24 May 2025; **Published:** 30 May 2025

To cite this article (APA): Abd. Hamid, M. M., & Zahid, N. H. (2025). Faktor-faktor pengambilan makanan segera dalam kalanganmurid sekolah tahfiz. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 3(1), 66-81. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol3.1.6.2025>

Abstrak

Pengambilan makanan segera dalam kalangan remaja semakin membimbangkan kerana ia berpotensi menjejaskan pembelajaran dan kesihatan dalam jangka masa panjang. Murid di institusi pegajian tahfiz mempunyai jadual pembelajaran yang padat dan rutin hafazan al-Quran turut terdedah kepada gaya pengambilan makanan segera. Kajian ini bertujuan mengenal pasti persepsi pelajar tahfiz terhadap pengambilan makanan segera, kadar kekerapan pengambilan, dan menganalisis faktor-faktor pendorong yang mempengaruhi responden mengambil makanan segera. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif. Kajian ini dijalankan di sekolah tahfiz swasta di daerah Mersing Johor. Seramai 50 orang responden yang dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Data yang dikumpul telah dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan kekerapan, peratus, nilai skor min dan korelasi. Hasil kajian mendapati persepsi responden terhadap pengambilan makanan segera di tahap sederhana dengan purata nilai min 3.04 (min = 2.34-3.66). Purata nilai min bagi kadar kekerapan pengambilan makanan segera juga di tahap sederhana iaitu 2.75 (min = 2.34-3.66). Manakala purata min bagi faktor-faktor yang mendorong responden mengambil makanan segera di tahap sederhana iaitu 2.87 (min = 2.34-3.66). Dapatan kajian ini menunjukkan keperluan agar pihak institusi pengajian swasta dan ibu bapa saling memperkukuh dalam mendidik murid tentang pemakanan sihat bagi golongan penghafaz al-Quran agar dapat mengimbangi gaya hidup dengan pengambilan makanan segera.

Kata kunci: Makanan Segera, Murid Sekolah Tahfiz, Persepsi, Faktor Pengambilan, Pola Pemakanan

Abstract

Fast food consumption among teenagers is a growing concern due to its potential impact on learning and long-term health. Students in tahfiz institutions, who follow intensive learning schedules and Qur'an memorisation routines, are similarly exposed to fast food dietary habits. This study aims to examine tahfiz students' perceptions of fast food consumption, determine the frequency of intake, and analyse the factors influencing such consumption. Employing a quantitative research design, the study was conducted at a private tahfiz school in Mersing, Johor, with 50 respondents selected through simple random sampling. Data were analysed descriptively and inferentially using frequency, percentage, mean scores, and correlation. Findings indicate that respondents' perceptions of fast food consumption were at a moderate level (mean = 3.04), as were the frequency of consumption (mean = 2.75) and the factors influencing consumption (mean = 2.87). These results highlight the need for collaboration between private educational institutions and parents to strengthen students' awareness of healthy eating habits, enabling Qur'an memorizers to maintain a balanced lifestyle while managing their intake of fast food.

Keywords: *Fast Food, Tahfiz School Students, Perception, Consumption Factors, Dietary Patterns*

Pendahuluan

Makanan segera atau *fast food* merujuk kepada makanan yang disediakan dengan cepat, mudah diperolehi, dan lazimnya mempunyai rasa yang digemari oleh pelbagai lapisan masyarakat. Walaupun dilihat daripada perspektif gaya hidup semasa, namun kebanyakan makanan segera mengandungi bahan-bahan tinggi lemak, garam, dan gula serta rendah serat. Fenomena pengambilan makanan segera dalam kalangan murid sekolah atau murid di institusi pengajian tinggi telah menjadi isu kesihatan awam yang membimbangkan. Ia boleh menyebabkan peningkatan masalah obesiti, diabetes dan sebagainya dalam jangka panjang. Dalam konteks ini, murid sekolah tahfiz mempunyai rutin hidup yang unik dan berbeza, sama ada di institusi pengajian tahfiz formal atau tidak formal. Jadual harian mereka yang padat dengan aktiviti hafazan al-Quran, pembelajaran akademik, dan ibadah mempunyai kaitan langsung corak pemakanan harian semasa di asrama. Pengambilan makanan segera mungkin berlaku disebabkan gaya hidup sebelum memasuki institusi pengajian tahfiz, ketika bersama-sama dengan rakan sebaya keluar ke kedai, atau melalui pesanan dalam talian, sekali gus memudahkan kecenderungan memilih makanan tersebut.

Selain itu, faktor pengambilan makanan segera dalam kalangan murid sekolah tahfiz boleh dipengaruhi daripada pelbagai aspek seperti pengaruh rakan sebaya, sering mendapat akses iklan dan promosi di televisyen dan media sosial, mudah diperolehi lokasi, serta faktor psikologi seperti kebosanan atau keinginan mencuba. Memahami faktor-faktor ini amat penting bagi membolehkan pihak pentadbir di institusi pengajian tahfiz, ibu bapa, dan penggubal dasar merangka strategi pendidikan pemakanan yang lebih berkesan untuk memupuk gaya hidup sihat dalam kalangan murid tahfiz agar dapat dibentuk dengan akhlak Islam serta dapat mengukuhkan daya ingatan hafazaan al-Quran. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong pengambilan makanan segera dalam kalangan murid sekolah tahfiz swasta.

Latarbelakang Kajian

Agama Islam sangat mementingkan kehidupan umat Islam dengan mengambil makanan yang halal dan baik. Dalam Kamus Dewan (2007), halal dimaksudkan dengan hukum yang membenarkan sesuatu perbuatan dilakukan, diperbolehkan (tidak ditegah oleh syarak), diizinkan atau dibenarkan seperti makanan dan minum halal. Lawan daripada perbuatan halal adalah perkara yang haram atau dilarang dan ditegah. Dalam al-Quran, Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ

Terjemahan: “Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.”

(Surah al-Baqarah, 168)

Ibn Kathir (2013) dalam menafsirkan ayat di atas menjelaskan bahawa Allah SWT memberikan rezeki kepada semua makhluk-Nya. Allah SWT telah memberikan rezeki makanan di bumi dan menghalalkan makanan yang baik serta tidak membahayakan tubuh dan akal manusia. Allah SWT melarang mengikuti syaitan iaitu jalan-jalan yang digunakan untuk menyesatkan manusia seperti mengharamkan unta sebagaimana dihiaskan syaitan terhadap mereka di zaman jahiliah. Dalam hadith yang diriwayatkan Imam Muslim, Nabi SAW bersabda:

يَقُولُ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ كُلَّ مَا أَمْنَحُهُ عِبَادِي فَهُوَ لَهُمْ حَلَالٌ وَفِيهِ: وَإِنِّي خَلَقْتُ عِبَادِي خُنَفَاءَ فَجَاءَتْهُمْ الشَّيَاطِينُ فَاجْتَالَتْهُمْ عَنْ دِينِهِمْ، وَحَرَمْتُ عَلَيْهِمْ مَا أَحَلَلْتُ لَهُمْ

Terjemahan: Allah SWT berfirman: “Sesungguhnya semua harta yang telah Kuberikan kepada hamba-hamba-Ku adalah halal bagi mereka.” Dan disebutkan: “Dan sesungguhnya Aku menciptakan hamba-hamba-Ku dalam keadaan cenderung kepada agama yang hak, maka datanglah syaitan kepada mereka, lalu syaitan menyesatkan mereka dari agamanya dan mengharamkan kepada mereka apa-apa yang telah Aku-halalkan bagi mereka.”

(Hadith riwayat Imam Muslim, No Hadith 2865)

Pengambilan makanan yang halal dan baik (*tayyib*) merupakan perkara yang amat penting dalam kehidupan orang Islam. Pengambilan makanan yang halal mempunyai implikasi yang besar dalam diri seseorang dan kehidupan beragama. Implikasi pengambilan makanan dengan kehidupan beragama orang Islam boleh dilihat dalam hadith Nabi SAW. Ibn Kathir (2013) dalam menafsirkan ayat 168 surah al-Baqarah di atas, telah membawakan hadith Nabi SAW tentang implikasi pengambilan makanan haram boleh menyebabkan doa tidak diterima Allah SWT dan daging yang tumbuh dalam badan manusia hasil daripada makanan haram dan riba, maka akan dimasukkan neraka. Dalam hadith yang diriwayatkan Ibnu Abbas, Nabi SAW bersabda:

قَالَ الْخَافِظُ أَبُو بَكْرٍ بْنُ مَرْثُومٍ: حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ أَحْمَدَ، حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عِيسَى بْنِ شَيْبَةَ الْمِصْرِيُّ، حَدَّثَنَا الْحُسَيْنُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ الْاَحْتِطَائِيُّ، حَدَّثَنَا أَبُو عَبْدِ اللَّهِ الْجَوْرَجَانِيُّ -رَفِيقُ إِبْرَاهِيمَ بْنِ أَدَهَمَ- حَدَّثَنَا ابْنُ جُرَيْجٍ، عَنْ عَطَاءٍ، عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: تَلَيْتُ هَذِهِ الْآيَةَ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: {يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا} فَقَامَ سَعْدُ بْنُ أَبِي وَقَّاصٍ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، ادْعُ اللَّهَ أَنْ يَجْعَلَ لِي مُسْتَجَابَ الدَّعْوَةِ، فَقَالَ: يَا سَعْدُ، أَطْبَحُ مَطْعَمَكَ تَكُنْ مُسْتَجَابَ الدَّعْوَةِ، وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ، إِنَّ الرَّجُلَ لَيَقْدَفُ اللَّقْمَةَ الْحَرَامَ فِي جَوْفِهِ مَا يُتَقَبَّلُ مِنْهُ أَرْبَعِينَ يَوْمًا، وَأَيُّمَا عَبْدٍ تَبَتَ لَحْمُهُ مِنَ السُّحْتِ وَالرِّبَا قَالَتُ أُولَى بِهِ

Terjemahan: Al-Hafiz Abu Bakar Ibn Marduwaih menyatakan, telah menceritakan kepada kami Sulaiman Ibn Ahmad, telah menceritakan kepada kami Muhammad Ibn Isa Ibnu Syaibah al-Masri, telah menceritakan kepada kami al-Husain Ibn Abdur Rahman al-Ihtiyati, telah menceritakan kepada kami Abu Abdillah al-Jauzajani (teman kepada Ibrahim Ibn Adham), telah menceritakan kepada kami Ibnu Juraij. Daripada ‘Ata’ daripada Ibn Abbas berkata: “Aku membacakan ayat ini di hadapan Nabi SAW. *“Wahai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi.”* (Surah al-Baqarah, 168). Maka berdirilah Sa’ad bin Abi Waqqas lalu berkata: “Wahai Rasulullah, sudilah kiranya engkau doakan kepada Allah semoga Dia menjadikan diriku orang yang diperkenankan doa.” Maka Rasulullah SAW menjawab: *“Wahai Sa’ad, makanlah yang halal, niscaya doamu diperkenankan. Demi Tuhan yang jiwa Muhammad ini berada di dalam genggam kekuasaan-Nya, sesungguhnya seorang lelaki yang memasukkan sesuap makanan haram ke dalam perutnya benar-benar tidak diperkenankan doa darinya selama empat puluh hari. Dan sesiapa di antara hamba Allah dagingnya tumbuh dari makanan yang haram dan hasil riba, maka neraka adalah lebih layak baginya.”*

(Riwayat Ibnu Abbas)

Dalam hadith yang lain, Nabi SAW telah bersabda:

عَنْ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ التُّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: إِنَّ الْخَلَالَ بَيْنَ وَ إِنَّ الْحَرَامَ بَيْنَ وَ بَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ فَقَدْ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَ عَرْضِهِ، وَ مَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ، كَالرَّاعِي يَرْعَى حَوْلَ الْجَمَى يُوشِكُ أَنْ يَرْتَعَ فِيهِ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ جَمَى أَلَا وَ إِنَّ جَمَى اللَّهِ مَحَارِمُهُ، أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَ هِيَ الْقَلْبُ

Daripada Abu Abdullah Al-Nu'man bin Basyir r.a. beliau berkata: Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: *“Sesungguhnya yang halal itu nyata (terang) dan yang haram itu pun nyata (terang) dan di antara keduanya ada perkara-perkara yang kesamaran, yang tidak diketahuinya oleh kebanyakan manusia. Maka barangsiapa memelihara (dirinya dari) segala yang kesamaran, sesungguhnya ia memelihara bagi agamanya dan kehormatannya. Dan barangsiapa jatuh ke dalam perkara kesamaran jatuhlah ia kedalam yang haram seperti seorang penggembala yang menggembala di sekeliling kawasan larangan, dibimbangi dia akan menceroboh masuk ke dalamnya. Ketahuilah bahawa setiap raja ada sempadan dan sesungguhnya sempadan Allah itu ialah perkara-perkara yang diharamkan-Nya. Ketahuilah bahawa dalam setiap jasad itu ada seketul daging yang apabila ia baik maka baiklah seluruh jasad dan apabila ia rosak, maka rosaklah seluruh jasad. Ketahuilah ia adalah hati.”*

(Riwayat al-Bukhari, No. Hadith 52)

Berdasarkan hadith di atas, Nabi SAW menjelaskan perkara yang halal dan haram Adalah perkara yang jelas. Di antara kedua-dua perkara tersebut, terdapat perkara yang syubhah. Melakukan atau mengambil perkara-perkara yang syubhah boleh menyebabkan seseorang terjerumus dengan perkara haram. Oleh itu, Islam perlu mempunyai sifat taqwa dan warak dalam menjadi diri sendiri agar tidak terjerumus dengan perkara *syubhah* termasuk dalam aspek mengambil makanan.

Dalam konteks ini, amalan pengambilan makanan hari ini banyak dipengaruhi dengan faktor gaya hidupan semasa seperti pengambilan segera. Dalam kajian Mohd Azlan Abdulla dan Noraziah Ali (2011) mengenai ‘*Amalan Pemakanan dalam Kalangan Pelajar Universiti dan Implikasinya terhadap Pembelajaran.*’ Kajian ini Mendapati responden kajian mempunyai pengetahuan dan kesedaran yang baik tentang pemakanan yang betul dan sihat. Namun dari aspek amalan pemakanan, kajian ini mendapati terdapat beberapa keralatan seperti

meninggalkan waktu makan sarapan pagi, makan di waktu lewat serta makan makanan yang ringkas dan tidak seimbang.

Di samping itu juga, faktor pemakanan juga menjadi satu kepentingan kerana ianya akan menjadi darah daging dalam diri dan seterusnya dalam pembangunan akhlak. Pemakanan yang daripada sumber yang haram sudah semestinya membuatkan hati menjadi gelap menerima hidayah daripada Allah dan ianya juga mampu membuatkan remaja benak hati. Di institusi pengajian tahfiz, pemakanan yang disediakan menitikberatkan kesucian, kebersihan dan juga halal. Sebagai contoh, ayam yang dibeli mestilah disembelih mengikut hukum Islam, tukang masak daripada orang Islam sendiri, makanan segera atau ringan diharamkan, tidak dibenarkan makan makanan daripada pasar malam dan sebagainya (Mohamad Ghazi Faris Abu Mutalib & Norazmi Anas, 2020).

Institusi pengajian tahfiz juga sangat menekankan pengambilan makanan makanan sunnah seperti madu, kismis dan kurma (Santibwana Abd Rahman et al., 2019). Makanan di asrama biasanya meliputi makanan bagi sarapan pagi, makan tengahari, minum petang, makan malam serta minum malam. Menu yang pelbagai telah disediakan oleh pihak sekolah termasuklah makanan tambahan yang berupa makanan sunnah misalnya kurma dan kismis. Ianya adalah sejajar dengan hasrat sekolah bagi menghasilkan para huffaz yang terpelihara dari sudut amalan dan pemakanan hariannya (Zetty Nurzuliana Rashed et al. 2021). Ini menunjukkan faktor pengambilan makanan yang baik dan berkhasiat penting untuk murid yang menghafaz al-Quran. Ia membantu daya ingatan yang kuat, kesan jiwa yang tenang, memudahkan daya tumpuan dalam pembelajaran, serta menajamkan fokus untuk menghafal. Namun dalam gaya kehidupan semasa (*lifestyle*), murid di sekolah tahfiz turut terdedah dengan pengambilan makanan segera.

Walau bagaimanapun agenda globalisasi turut menyumbang kepada budaya makanan segera dalam generasi hari ini. Perkembangan dan asimilasi budaya pengambilan makanan segera telah mempengaruhi cara pemprosesan dan pembuatan makanan serta kaedah penjualan, penyusunan dan penggunaannya dalam industri saban tahun. Peningkatan permintaan terhadap snek, burger, piza dan minuman bergas menjadikan orang ramai menikmati variasi makanan ini dalam pelbagai cara yang tersendiri. Selain itu, faktor urbanisasi juga merupakan satu antara isu yang mendorong adanya perubahan gaya hidup, lantaran peningkatan gaya hidup yang serba moden dan juga pertambahan pendapatan masyarakat, khususnya golongan muda (Farzan Yahya, 2013). Murid-murid sekolah juga terdedah dan turut dipengaruhi dengan trend gaya hidup dalam pengambilan makanan hari ini, termasuklah murid di sekolah-sekolah tahfiz. Ia dilihat sebagai situasi 'agak konflik' di antara peraturan di sekolah tahfiz dengan budaya pengambilan makanan segera dalam kalangan murid. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor pengambilan makanan segera dalam kalangan murid di sekolah tahfiz.

Permasalahan Kajian

Institusi pengajian tahfiz biasanya mempunyai peraturan khusus bagi murid agar mementingkan dalam aspek makanan. Pengambilan makanan mempengaruhi pencapaian pembelajaran murid terutamanya dalam hafazan dan memahami al-Quran. Kajian Abdul Hafiz dan Nur Safazilah (2020) mendapati amalan pemakanan memberikan implikasi terhadap keperibadian akhlak dan menguatkan daya ingatan hafazan al-Quran yang baik. Contohnya pihak madrasah tidak membenarkan ibu bapa yang datang melawat anak di sekolah dengan membawa makanan-makanan yang dibenarkan sahaja, ibu bapa sering dikongsikan maklumat

agar menjauhi makanan yang *syubhah* kerana boleh menjejaskan keperibadian atau akhlak dan akal pemikiran, dan murid-murid sentiasa mengamalkan makanan sunnah. Begitu juga dengan Kajian Zainora Daud et al. (2020) yang mendapati pemakanan yang halal dan tidak syubhah mempunyai kaitan dengan pembentukan akhlak dan daya ingatan penghafaz al-Quran.

Walaupun bagaimanapun, kejayaan inovasi teknologi dalam industri makanan bermula dengan terbinanya restoran makanan segera dan perkhidmatan penghantaran sampai ke pintu. Tambahan pula dengan bantuan aplikasi telefon mudah alih untuk memesan makanan dan membeli barangan melalui atas talian bagi mendapatkan akses kepada makanan segera kini telah menjadi perubahan mendadak. Segenap golongan tidak kira usia tua, muda, berkerjaya atau masih belajar, mereka akan memilih makanan segera sebagai salah satu pilihan sajian mereka. Meskipun telah didedahkan dengan maklumat berkenaan kesan sampingan makanan segera, namun masyarakat masih keliru dan sukar untuk menerapkan gaya hidup yang lebih berkualiti tanpa pengambilan makanan segera. Berdasarkan kajian lain yang menunjukkan persepsi yang positif terhadap pengambilan makanan segera dari aspek gaya hidup moden ini telah memberi impak yang tidak sihat dalam kalangan pelajar harini (Amey et al. 2016).

Di Mangalore India, pelajar remaja lebih cenderung untuk mengambil makanan segera ketika keadaan mereka bosan, dan tertekan. Pengaruh rakan sebaya juga menjadi faktor tarikan untuk menikmati makanan segera. Selain itu, antara faktor lain yang paling kuat adalah iklan-iklan komersial yang dipaparkan di kaca televisyen dan media sosial yang membawa hala tuju yang bertentangan dalam usaha untuk membudayakan makanan yang berkhasiat dan memberikan nutrisi yang cukup untuk tubuh manusia (Nitin Joseph, 2015). Kajian amalan pengambilan makanan segera ini didorong oleh penelitian gaya hidup generasi hari ini yang dinormalisasikan dengan pengambilan makanan segera. Perubahan zaman telah memberi pengaruh yang besar terhadap gaya pemakanan kepada setiap generasi, terutamanya golongan murid. Mereka telah dinormalisasikan dengan gaya hidup yang lebih moden dan terkini, termasuk juga segolongan kecil murid di pusat tahfiz tidak terkecuali dengan gaya hidup sedemikian.

Walaupun peraturan sekolah berasrama telah menetapkan larangan membawa makanan segera di asrama, namun larangan tersebut hanya terbatas ketika murid berada di asrama sahaja dan murid-murid ini akan mencari peluang untuk menikmati makanan segera saat mereka mempunyai masa lapang setelah selesai sesi kelas, atau semasa keluar ke bandar atau pekan (*outing*) bersama ahli keluarga masing-masing. Fenomena gaya hidup hari ini, kian bertambah ahli masyarakat yang tidak lagi memasak mahupun mempersiapkan makanan sendiri di rumah, namun lebih berminat dengan kebiasaan makan di luar rumah, malah semakin hari semakin menjadi budaya. Ruang premis makanan yang dahulunya dituju untuk mengisi perut dan menghilangkan lapar, kini generasi abad ke-21 ini menjadikan premis ini sebagai tempat untuk bersosial, berhibur dan berdiskusi untuk mengembangkan rangkaian perniagaan masing-masing (Mohd Azlan & Noraziah, 2011). Jenama makanan ringan dan segera ini tidak asing lagi dalam masyarakat kita seperti *Mister Potato*, *Twisties*, *Maggi* dan coklat *Cadbury*. Ini menunjukkan wujud suatu pertembungan pelbagai budaya, kewujudan aplikasi teknologi untuk memesan makanan seperti *Grab Food*, *Food Panda*, *McD Delivery* dan lain-lain lagi.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

- 1) Mengenal pasti persepsi murid di sekolah tahfiz terhadap pengambilan makanan segera
- 2) Mengenal pasti kadar kekerapan pengambilan dalam kalangan murid di sekolah tahfiz.
- 3) Menganalisis faktor-faktor pendorong yang mempengaruhi pemilihan makanan segera.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif. Instrumen kajian menggunakan instrumen soal selidik dalam mengumpul data. Soal selidik telah dibangunkan berdasarkan teori dan adaptasi daripada kajian Siti Salmiah Bakar (2006) yang berkaitan dengan '*Kadar Pengambilan Makanan Segera di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah.*' Soal selidik telah dimodifikasi berdasarkan dengan skala likert mengikut objektif kajian. Kajian ini dijalankan di sekolah swasta tahfiz di daerah Mersing, Johor. Seramai 50 orang responden telah dipilih berdasarkan kaedah persampelan rawak mudah. Data yang dikutip telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)*, versi 26.0. Semua dapatan dianalisis secara deskriptif dan dipersembahkan dalam bentuk jadual dengan menggunakan kekerapan, peratus dan interpretasi skor min. Analisis deskriptif juga menggunakan interpretasi skor min bagi menunjukkan tahap setuju yang tinggi dengan purata nilai min 3.67 hingga 5.00, tahap sederhana dengan purata nilai min 2.34 hingga 3.66 dan tahap rendah dengan purata nilai min 1.00 hingga 2.33. Purata nilai min dapat dilihat dalam Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
1.00 hingga 2.33	Tahap Rendah
2.34 hingga 3.66	Tahap Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tahap Tinggi

Dalam analisis inferensi data dianalisis secara ujian korelasi. Ia dijalankan bagi melihat hubungan yang signifikan ($p < 0.05$) antara tahap tingkatan responden dengan kadar pengambilan makanan segera. Begitu juga dengan ujian bagi hubungan yang signifikan ($p < 0.05$) tahap tingkatan responden dengan faktor-faktor yang mendorong pengambilan makanan segera semasa belajar.

Hasil Kajian dan Perbincangan

a) Demografi Responden

Demografi responden bagi kajian ini mempunyai tiga item sahaja iaitu Jantina, Tingkatan dan Tempat Tinggal. Bagi item jantina menunjukkan semua responden (100 peratus) kajian terdiri daripada pelajar perempuan, ini kerana lokasi kajian sekolah tahfiz ini mempunyai pelajar perempuan sahaja. Selain itu, bagi latar belakang pelajar tingkatan menunjukkan seramai 20 responden (40 peratus) tingkat lima, manakala bagi tingkatan empat, tiga dan dua mempunyai jumlah yang sama iaitu seramai 10 responden (20 peratus). Bagi status tempat tinggal pelajar menunjukkan seramai 32 responden (64 peratus) tinggal di kawasan bandar, diikuti dengan 11 responden (22 peratus) pinggir bandar dan tujuh responden (14 peratus) tinggal di luar bandar.

Jadual 2: Demografi Responden

Bil.	Item	Kekerapan	Peratus
1	Tingkatan	Dua	20
		Tiga	20
		Empat	20
		Lima	40
		Jumlah	50
2	Tempat Tinggal	Bandar	64
		Pinggir Bandar	22
		Luar Bandar	14
		Jumlah	50
			100

b) Persepsi Responden Terhadap Makanan Segera

Jadual 3 merupakan dapatan kajian bagi persepsi responden terhadap makanan segera. Purata min bagi konstruk ini di tahap sederhana iaitu 3.04 (min = 2.34-3.66). Dapatan kajian bagi item B1 menunjukkan seramai 18 responden (36 peratus) menyatakan setuju, diikuti dengan 17 responden (34 peratus) kurang setuju, 11 responden (22 peratus) sangat setuju dan empat responden (8 peratus) memilih tidak setuju bagi kenyataan 'Saya percaya bahawa makanan segera ini adalah lambang *trend* terkini'. Manakala item B2 pula mendapati seramai 22 responden (44 peratus) memilih sangat setuju, diikuti dengan 18 responden (36 peratus) setuju dan 10 responden (20 peratus) kurang setuju bagi penjelasan 'Saya mengambil berat tentang kualiti makanan saya'. Bagi item B3 menunjukkan seramai 18 responden (36 peratus) menyatakan tidak setuju, diikuti dengan 17 responden (34 peratus) sangat tidak setuju dan 15 responden (30 peratus) memilih kurang setuju bagi huraian 'Saya tahu makanan ini memberi kebaikan untuk saya'.

Selain daripada itu, dapatan item B4 menunjukkan seramai 20 responden (40 peratus) memilih sangat setuju, diikuti dengan 18 responden (36 peratus) setuju, 10 responden (20 peratus) kurang setuju dan dua responden (4 peratus) memilih tidak setuju bagi penjelasan 'Saya mengambil makanan segera kerana ia lebih enak daripada makanan yang disediakan di dewan makan asrama'. Bagi item B5 pula mendapati seramai 29 responden (58 peratus) menyatakan sangat tidak setuju, diikuti dengan 17 responden (34 peratus) tidak setuju dan empat responden (8 peratus) kurang setuju bagi huraian 'Saya percaya makanan segera sesuai untuk pelajar tahfiz yang menghafal al-Quran'. Item B6 menunjukkan seramai 34 responden (64 peratus) memilih kurang setuju, diikuti dengan enam responden (12 peratus) tidak setuju, empat responden (8 peratus) setuju dan dua responden (4 peratus) menyatakan sangat tidak setuju bagi penjelasan 'Saya yakin dengan kebersihan premis makanan segera'.

Seterusnya, dapatan bagi item B7 menunjukkan seramai 16 responden (32 peratus) memilih kurang setuju, diikuti dengan 11 responden (22 peratus) tidak setuju, 10 responden (20 peratus) setuju, lapan responden (16 peratus) sangat tidak setuju dan lima responden (10 peratus) memilih sangat setuju bagi kenyataan 'Saya percaya makanan segera lebih mengenyangkan'. Manakala item B8 pula mendapati seramai 25 responden (50 peratus) memilih sangat setuju, diikuti dengan 13 responden (26 peratus) setuju, tujuh responden (14 peratus) kurang setuju dan lima responden (10 peratus) tidak setuju bagi penjelasan 'Saya sentiasa teringat restoran makanan segera apabila ingin outing asrama atau jamuan bersama keluarga'.

Selain itu, bagi item B9 menunjukkan dua jumlah yang sama iaitu seramai 16 responden (32 peratus) menyatakan kurang setuju dan 16 responden (32 peratus) tidak setuju, diikuti dengan tujuh responden (14 peratus) memilih sangat tidak setuju, enam responden (12 peratus) setuju, lima responden (10 peratus) sangat setuju bagi pernyataan ‘Saya tetap membeli makanan segera walaupun harganya lebih mahal berbanding makanan berat yang lain’. Akhir sekali, item B10 menunjukkan seramai 14 responden (28 peratus) menyatakan setuju, diikuti dengan 12 responden (24 peratus) kurang setuju, 10 responden (20 peratus) sangat tidak setuju, tujuh responden (14 peratus) tidak setuju dan tujuh responden (14 peratus) memilih sangat setuju bagi huraian ‘Saya akan memberitahu kawan dan keluarga selepas mengambil makanan segera’.

Jadual 3: Persepsi Responden Terhadap Makanan Segera

Bil	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
B1	Saya percaya bahawa makanan segera ini adalah lambang <i>trend</i> terkini.	-	4 (8%)	17 (34%)	18 (36%)	11 (22%)	3.6
B2	Saya mengambil berat tentang kualiti makanan saya.	-	-	10 (20%)	18 (36%)	22 (44%)	4.20
B3	Saya tahu makanan ini memberi kebaikan untuk saya.	17 (34%)	18 (36%)	15 (30%)	-	-	2.04
B4	Saya mengambil makanan segera kerana ia lebih enak daripada makanan yang disediakan di dewan makan asrama.	-	2 (4%)	10 (20%)	18 (36%)	20 (40%)	3.94
B5	Saya percaya makanan segera sesuai untuk pelajar tahfiz yang menghafal al-Quran.	29 (58%)	17 (34%)	4 (8%)	-	-	1.60
B6	Saya yakin dengan kebersihan premis makanan segera.	2 (4%)	6 (12%)	34 (68%)	4 (8%)	-	2.84
B7	Saya percaya makanan segera lebih mengenyangkan.	8 (16%)	11 (22%)	16 (32%)	10 (20%)	5 (10%)	2.84
B8	Saya sentiasa teringat restoran makanan segera apabila ingin outing asrama atau jamuan bersama keluarga.	-	5 (10%)	7 (14%)	13 (26%)	25 (50%)	3.68
B9	Saya tetap membeli makanan segera walaupun harganya lebih mahal berbanding makanan berat yang lain.	7 (14%)	16 (32%)	16 (32%)	6 (12%)	5 (10%)	2.70
B10	Saya akan memberitahu kawan dan keluarga selepas mengambil makanan segera.	10 (20%)	7 (14%)	12 (24%)	14 (28%)	7 (14%)	3.00

Purata nilai min = 3.04

c) Kadar Pengambilan Makanan Segera dalam kalangan Responden

Jadual 4 merupakan perincian dapatan kajian bagi kadar pengambilan makanan segera oleh pelajar tahfiz. Purata min bagi konstruk ini di tahap sederhana iaitu 2.75 (min = 2.34-3.66). Hasil kajian bagi item C1 menunjukkan seramai 16 responden (32 peratus) menyatakan setuju, diikuti dengan 12 responden (24 peratus) menyatakan sangat tidak setuju, sembilan responden (18 peratus) tidak setuju, tujuh responden (14 peratus) kurang setuju dan enam responden (12 peratus) sangat setuju bagi penjelasan ‘Saya mengambil makanan segera sebulan sekali’. Bagi item C2 pula mendapati seramai 19 responden (38 peratus) menyatakan sangat tidak setuju,

diikuti dengan 13 responden (26 peratus) tidak setuju, 10 responden (20 peratus) kurang setuju dan lapan responden (16 peratus) setuju bagi huraian 'Saya mengambil makanan segera seminggu sekali'. Manakala item C3 menunjukkan seramai 13 responden (26 peratus) menyatakan setuju, diikuti dengan 10 responden (20 peratus) menyatakan sangat setuju, 10 responden (20 peratus) kurang setuju, sembilan responden (18 peratus) sangat tidak setuju dan lapan responden (16 peratus) tidak setuju bagi pernyataan 'Saya mengambil makanan segera setiap kali outing asrama'.

Seterusnya, dapatan bagi item C4 menunjukkan seramai 15 responden (30 peratus) memilih kurang setuju, diikuti dengan 13 responden (26 peratus) setuju, sembilan responden (18 peratus) sangat tidak setuju, sembilan responden (18 peratus) tidak setuju dan dua responden (4 peratus) memilih sangat setuju bagi penjelasan 'Saya kerap mengambil makanan segera pada waktu malam'. Manakala item C5 pula mendapati seramai 14 responden (28 peratus) memilih setuju, diikuti dengan 12 responden (24 peratus) sangat tidak setuju, 10 responden (20 peratus) tidak setuju, sembilan responden (18 peratus) kurang setuju dan lima responden (10 peratus) memilih sangat setuju bagi huraian 'Saya mengutamakan makanan segera sekiranya saya berasa lapar berbanding makanan berat'. Bagi item C6 menunjukkan seramai 16 responden (32 peratus) menyatakan setuju, diikuti dengan 14 responden (28 peratus) kurang setuju, sembilan responden (18 peratus) tidak setuju, enam responden (12 peratus) sangat tidak setuju dan lima responden (10 peratus) memilih sangat setuju bagi penjelasan 'Saya akan memastikan makanan segera sentiasa ada dalam simpanan saya'.

Selain daripada itu, hasil dapatan bagi item C7 pula mendapati seramai 20 responden (40 peratus) menyatakan setuju, diikuti dengan 13 responden (26 peratus) kurang setuju, lapan responden (16 peratus) sangat setuju, enam responden (12 peratus) tidak setuju dan tiga responden (6 peratus) memilih sangat tidak setuju bagi pernyataan 'Saya gemar mencuba makanan segera pada masa lapang'. Manakala item C8 menunjukkan seramai 16 responden (32 peratus) menyatakan setuju, diikuti dengan 11 responden (22 peratus) sangat tidak setuju, sembilan responden (18 peratus) sangat setuju, sembilan responden lagi (18 peratus) kurang setuju dan lima responden (10 peratus) tidak setuju bagi huraian 'Saya akan membeli makanan segera yang dijual di kedai runcit asrama'. Bagi item C9 pula mendapati seramai 25 responden (50 peratus) menyatakan setuju, diikuti dengan 18 responden (36 peratus) sangat setuju, enam responden (12 peratus) kurang setuju dan satu responden (2 peratus) memilih tidak setuju bagi pernyataan 'Saya akan mengambil makanan segera yang diberikan oleh kawan saya'. Akhir sekali, item C10 menunjukkan seramai 21 responden (42 peratus) menyatakan kurang setuju, diikuti dengan 10 responden (20 peratus) setuju, lapan responden (16 peratus) sangat tidak setuju, tujuh responden (14 peratus) tidak setuju dan empat responden (8 peratus) memilih sangat setuju bagi penjelasan 'Saya akan mengambil makanan segera sewaktu mengulang kaji pelajaran'.

Jadual 4: Kadar Pengambilan Makanan Segera dalam kalangan Responden

Bil	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
C1	Saya mengambil makanan segera sebulan sekali.	12 (24%)	9 (18%)	7 (14%)	16 (32%)	6 (12%)	2.74
C2	Saya mengambil makanan segera seminggu sekali.	19 (38%)	13 (26%)	10 (20%)	8 (16%)	-	2.12
C3	Saya mengambil makanan segera setiap kali outing asrama.	9 (18%)	8 (16%)	10 (20%)	13 (26%)	10 (20%)	3.02
C4	Saya kerap mengambil	9	9	15	13	2	2.80

bersambung

	makanan segera pada waktu malam.	(18%)	(18%)	(30%)	(26%)	(4%)	
C5	Saya mengutamakan makanan segera sekiranya saya berasa lapar berbanding makanan berat.	12 (24%)	10 (20%)	9 (18%)	14 (28%)	5 (10%)	2.80
C6	Saya akan memastikan makanan segera sentiasa ada dalam simpanan saya.	6 (12%)	9 (18%)	14 (28%)	16 (32%)	5 (10%)	3.10
C7	Saya gemar mencuba makanan segera pada masa lapang.	3 (6%)	6 (12%)	13 (26%)	20 (40%)	8 (16%)	3.48
C8	Saya akan membeli makanan segera yang dijual di kedai runcit asrama.	11 (22%)	5 (10%)	9 (18%)	16 (32%)	9 (18%)	3.14
C9	Saya akan mengambil makanan segera yang diberikan oleh kawan saya.	-	1 (2%)	6 (12%)	25 (50%)	18 (36%)	4.20
C10	Saya akan mengambil makanan segera sewaktu mengulang kaji pelajaran.	8 (16%)	7 (14%)	21 (42%)	10 (20%)	4 (8%)	2.90

Purata nilai min = 2.75

d) Faktor-Faktor yang Mendorong Responden dalam Pengambilan Makanan Segera Semasa Belajar

Jadual 5 merupakan perincian dapatan kajian bagi faktor yang mendorong pengambilan makanan segera oleh responden. Purata min bagi konstruk ini ditahap sederhana iaitu 2.87 (min = 2.34-3.66). Dapatan bagi item D1 menunjukkan seramai 17 responden (34 peratus) menyatakan tidak setuju, diikuti dengan 12 responden (24 peratus) kurang setuju, 11 responden (22 peratus) sangat tidak setuju, lapan responden (16 peratus) setuju dan dua responden (4 peratus) memilih sangat setuju bagi kenyataan 'Saya mengambil makanan segera kerana rumah berdekatan dengan restoran tersebut'. Manakala item D2 pula mendapati seramai 20 responden (40 peratus) memilih sangat tidak setuju, diikuti dengan 14 responden (28 peratus) tidak setuju, 10 responden (20 peratus) kurang setuju, lima responden (10 peratus) setuju dan satu responden (2 peratus) memilih sangat setuju bagi penjelasan 'Saya mengambil makanan segera kerana pengaruh ahli keluarga'. Bagi item D3 pula menunjukkan seramai 16 responden (32 peratus) menyatakan setuju, diikuti dengan 12 responden (24 peratus) sangat tidak setuju, 11 responden (22 peratus) kurang setuju, 10 responden (20 peratus) tidak setuju dan satu responden (2 peratus) sangat setuju bagi pernyataan 'Saya mengambil makanan segera kerana dijual di sekolah atau asrama'.

Selain daripada itu, dapatan bagi item D4 menunjukkan seramai 20 responden (40 peratus) menyatakan setuju, diikuti dengan 12 responden (24 peratus) kurang setuju, 10 responden (20 peratus) sangat setuju, lima responden (10 peratus) sangat tidak setuju dan tiga responden (6 peratus) memilih tidak setuju bagi penjelasan 'Saya mengambil makanan segera kerana pengaruh kawan sebaya'. Bagi item D5 pula mendapati seramai 17 responden (34 peratus) menyatakan sangat setuju, diikuti dengan 15 responden (30 peratus) setuju, lapan responden (16 peratus) sangat tidak setuju, tujuh responden (14 peratus) kurang setuju dan tiga responden (6 peratus) memilih tidak setuju bagi kenyataan 'Saya mengambil makanan segera kerana pengaruh promosi di *Facebook/Tiktok/Instagram/YouTube*'. Manakala item D6 menunjukkan seramai 19 responden (38 peratus) menyatakan kurang setuju, diikuti dengan 16 responden (32 peratus) tidak setuju, 12 responden (24 peratus) sangat tidak setuju, dua

responden (4 peratus) sangat setuju dan satu responden (2 peratus) memilih setuju bagi huraian ‘Saya mengambil makanan segera kerana tidak gemar makanan berat’.

Seterusnya, hasil kajian bagi item D7 menunjukkan seramai 20 responden (40 peratus) menyatakan setuju, diikuti dengan 17 responden (34 peratus) kurang setuju, lapan responden (16 peratus) sangat setuju, empat responden (8 peratus) tidak setuju dan satu responden (2 peratus) sangat tidak setuju bagi penjelasan ‘Saya mengambil makanan segera kerana kebosanan’. Manakala item D8 pula mendapati seramai 13 responden (26 peratus) memilih setuju, diikuti dengan 12 responden (24 peratus) kurang setuju, sembilan responden (18 peratus) sangat tidak setuju, lapan responden (16 peratus) tidak setuju dan lapan responden lagi (16 peratus) memilih sangat setuju bagi pernyataan ‘Saya mengambil makanan segera kerana berasa tertekan dengan kerja sekolah’. Bagi item D9 menunjukkan seramai 13 responden (26 peratus) menyatakan setuju, diikuti dengan 13 responden juga (26 peratus) kurang setuju, 11 responden (22 peratus) tidak setuju, sembilan responden (18 peratus) sangat tidak setuju dan empat responden (8 peratus) memilih sangat setuju bagi huraian ‘Saya mengambil makanan segera kerana tidak sempat mengikuti waktu makan di asrama’. Akhir sekali, item D10 mendapati seramai 15 responden (30 peratus) menyatakan kurang setuju, diikuti dengan 13 responden (26 peratus) tidak setuju, 11 responden (22 peratus) sangat tidak setuju, lapan responden (16 peratus) setuju dan tiga responden (6 peratus) memilih sangat setuju bagi penjelasan ‘Saya mengambil makanan segera kerana restoran/premis makanan tersebut sangat terkenal di kawasan rumah atau sekolah saya’.

Jadual 5: Faktor-Faktor yang Mendorong Responden dalam Pengambilan Makanan Segera Semasa Belajar

Bil	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
D1	Saya mengambil makanan segera kerana rumah berdekatan dengan restoran tersebut.	11 (22%)	17 (34%)	12 (24%)	8 (16%)	2 (4%)	2.46
D2	Saya mengambil makanan segera kerana pengaruh ahli keluarga.	20 (40%)	14 (28%)	10 (20%)	5 (10%)	1 (2%)	2.06
D3	Saya mengambil makanan segera kerana dijual di sekolah/asrama.	12 (24%)	10 (20%)	11 (22%)	16 (32%)	1 (2%)	2.68
D4	Saya mengambil makanan segera kerana pengaruh kawan sebaya.	5 (10%)	3 (6%)	12 (24%)	20 (40%)	10 (20%)	3.54
D5	Saya mengambil makanan segera kerana terpengaruh dengan promosi di aplikasi <i>Facebook/ Tiktok/ Instagram/ YouTube</i> .	8 (16%)	3 (6%)	7 (14%)	15 (30%)	17 (34%)	3.60
D6	Saya mengambil makanan segera kerana tidak gemar makanan berat.	12 (24%)	16 (32%)	19 (38%)	1 (2%)	2 (4%)	2.30
D7	Saya mengambil makanan segera kerana kebosanan.	1 (2%)	4 (8%)	17 (34%)	20 (40%)	8 (16%)	3.60
D8	Saya mengambil makanan segera kerana berasa tertekan dengan kerja sekolah.	9 (18%)	8 (16%)	12 (24%)	13 (26%)	8 (16%)	3.06
D9	Saya mengambil makanan segera kerana tidak sempat mengikuti waktu makan di asrama.	9 (18%)	11 (22%)	13 (26%)	13 (26%)	4 (8%)	2.84
D10	Saya mengambil makanan segera kerana restoran atau premis makanan tersebut sangat terkenal di kawasan rumah atau sekolah saya.	11 (22%)	13 (26%)	15 (30%)	8 (16%)	3 (6%)	2.58

Purata nilai min = 2.87

e) Hubungan Antara Tahap Tingkatan Responden dan Kadar Pengambilan Makanan Segera

Jadual 6 menunjukkan hasil ujian korelasi bagi melihat hubungan antara tahap tingkatan responden dengan kadar pengambilan segera dalam kalangan responden.

Jadual 6: Terdapat Hubungan yang Signifikan Antara Tingkatan dan Kadar Pengambilan Makanan Segera

		Tingkatan	Kadar Pengambilan Makanan Segera
Tingkatan	Korelasi <i>Pearson</i> (<i>r</i>)	1	0.407
	Signifikan (<i>p</i>)		0.000
	N	206	206
Kadar Pengambilan Makanan Segera	Korelasi <i>Pearson</i> (<i>r</i>)	0.407	1
	Signifikan (<i>p</i>)	0.000	
	N	206	206
Tahap Hubungan		Sederhana	

****Korelasi signifikan pada aras $p < 0.05$**

Dapatan kajian ini telah melaporkan bahawa nilai kesahan korelasi *Pearson* antara tahap tingkatan responden dengan kadar pengambilan makanan segera [$r=0.407$, $p=0.00$] adalah signifikan. Ini menunjukkan pemakanan makanan segera mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap tingkatan responden ($p < 0.05$).

f) Hubungan Antara Tahap Tingkatan Responden dengan Faktor-Faktor yang Mendorong Pengambilan Makanan Segera Semasa Belajar

Jadual 7 menunjukkan hasil ujian korelasi bagi melihat hubungan antara tahap tingkatan responden dengan faktor-faktor yang mendorong pengambilan makanan segera semasa belajar.

Jadual 7: Terdapat Hubungan yang Signifikan Antara Tingkatan Responden dengan Faktor Pengambilan Makanan Segera Semasa Belajar

		Tingkatan	Faktor Pengambilan Makanan Segera Semasa Belajar
Tingkatan	Korelasi <i>Pearson</i> (<i>r</i>)	1	0.186
	Signifikan (<i>p</i>)		0.08
	N	206	206
Faktor Pengambilan Makanan Segera Semasa Belajar	Korelasi <i>Pearson</i> (<i>r</i>)	0.186	1
	Signifikan (<i>p</i>)	0.008	
	N	206	206
Tahap Hubungan		Lemah	

**** Korelasi signifikan pada aras $p < 0.05$**

Jadual 7 menunjukkan nilai korelasi *Pearson* antara pemboleh ubah tingkatan dengan faktor pengambilan makanan segera semasa belajar adalah lemah ($r=0.186$) dan tidak signifikan ($p < 0.001$). Ini menunjukkan faktor pengambilan makanan segera semasa belajar tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap tingkatan responden ($p < 0.05$).

Secara keseluruhan berkaitan dapatan kajian menunjukkan persepsi responden terhadap pengambilan makanan segera di tahap purata min sederhana iaitu 3.04 (min = 2.34-3.66). Ini menunjukkan responden masih percaya bahawa pengambilan makanan segera masih diperlukan bagi situasi tertentu dan bukannya secara kerap berterusan. Responden bersetuju dengan pernyataan bahawa makanan segera ini merupakan aspirasi gaya hidup terkini, namun

cahaya dengan kualiti makanan yang diambil. Dalam item B4 dan B8, tahap setuju yang tinggi dengan pernyataan makanan segera rasanya lebih enak berbanding makanan yang disediakan di dewan makan asrama, akan tetapi pelajar tetap menegaskan bahawa makanan segera ini tidak relevan untuk pelajar tahfiz yang menghafaz al-Quran bagi jangka masa yang panjang. Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian Siti Salmiah Abu Bakar (2006) menunjukkan kepelbagaian makanan segera telah menarik minat pelajar untuk sentiasa mencuba makanan tersebut. Golongan pelajar lebih tertarik dengan set hidangan bagi waktu tengah hari ataupun hidangan malam yang merangkumi ketulan ayam berempah, kentang yang digoreng, ketulan nugget ayam berserta segelas air berkarbonat yang cukup enak dan menyelerakan.

Selain itu, kajian ini mendapati faktor-faktor yang mendorong pengambilan makanan segera dalam kalangan responden adalah faktor rakan sebaya, media sosial seperti Tiktok, Instagram dan Youtube, dan disebabkan faktor psikologi, iaitu sewaktu kebosanan yang melanda diri mereka. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kajian ini selaras dengan dapatan kajian Nitin Joseph et.al (2015), menyatakan bahawa rakan sebaya merupakan antara penggalak yang terpenting dalam membentuk gaya hidup dan tabiat seseorang individu, lebih-lebih lagi pelajar di asrama, yang berjauhan dari keluarga dan mereka saling memerlukan rakan sebaya untuk bersosial. Tambahan pula, gaya hidup hari ini telah memberikan label khas kepada premis makanan segera iaitu sebagai pusat untuk bersosial.

Demikian juga, dapatan kajian ini menunjukkan purata min bagi konstruk kadar pengambilan makanan segera di tahap sederhana iaitu 2.75 (min = 2.34-3.66). Ini menunjukkan responden masih mengambil sikap bersederhana dalam pengambilan makanan segera. Ia juga membuktikan peraturan-peraturan yang digariskan oleh pihak institusi pengajian tahfiz memberikan kesan yang besar terhadap pembentukan diri responden. Ini selaras dengan dapatan kajian Santibuan Abd Rahman (2019), Zainora Daud et al. (2020) dan Abdul Hafiz Abdullah (2020). Peraturan yang digariskan oleh institusi pengajian tahfiz bertujuan untuk membentuk akhlak dan menjaga kesihatan murid. Peraturan tersebut memberikan kesan yang positif dalam tanggungjawab pembelajaran murid terutamanya dari aspek menghafaz dan menjaga hafazan al-Quran. Contohnya, proses mengukuhkan hafazan al-Quran yang memerlukan kepada kesihatan tubuh badan dan kawalan emosi yang baik. Perkara ini juga dapat dilihat berdasarkan ujian korelasi yang menunjukkan tahap tingkatan responden dengan kadar pengambilan makanan segera ($r=0.407$, $p<0.05$) adalah signifikan. Ini menunjukkan pemakanan makanan segera mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap tingkatan responden ($p<0.05$).

Begitu juga dengan dapatan kajian ini yang mendapati purata min bagi konstruk faktor-faktor yang mendorong responden mengambil makanan segera semasa belajar, di tahap sederhana iaitu 2.87 (min = 2.34-3.66). Ini menunjukkan faktor-faktor dorongan tersebut di tahap sederhana dan mempengaruhi responden. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kajian ini selaras dengan kajian Siti Salmiah Abu Bakar (2006), yang mengemukakan pernyataan daripada responden yang terdorong untuk mengambil makanan segera disebabkan telah menerima pengaruh yang kuat menerusi iklan-iklan komersial makanan segera oleh media elektronik, kaca-kaca televisyen dan cetakan di akhbar tempatan. Ini menunjukkan gaya hidup semasa mempengaruhi dalam pengambilan makanan segera dalam kalangan pelajar tahfiz. Namun ia dalam situasi terkawal kerana institusi pengajian tahfiz mempunyai peraturan yang baik. Perkara ini juga dapat dilihat berdasarkan ujian korelasi yang menunjukkan tahap tingkatan responden dengan kadar pengambilan makanan segera ($r=0.186$, $p=0.08$) adalah tidak signifikan. Ini menunjukkan faktor pengambilan makanan segera semasa belajar tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap tingkatan responden ($p<0.05$).

Kesimpulan

Secara kesimpulan, kajian ini dapat memberikan suatu gambaran representasi terhadap amalan pengambilan makanan segera dalam kalangan murid tahfiz sekolah swasta. Dapatan ini menunjukkan kebanyakan responden telah mengambil makanan segera sekurang-kurangnya sebulan sekali seperti semasa waktu outing keluar asrama bersama keluarga atau penjaga. Kadar pengambilan makanan segera hanya secara kerap di waktu yang tertentu. Ini disebabkan pengaruh aspirasi gaya hidup terkini yang tidak boleh dielakkan. Namun pengambilan makanan segera boleh dikawal dalam kalangan pelajar tahfiz melalui pendidikan kesedaran, peraturan sekolah dan lain-lain. Di antara faktor-faktor yang mendorong pengambilan makanan segera adalah pengaruh rakan sebaya, media sosial seperti Tiktok, Instagram dan Youtube, dan faktor psikologi, iaitu semasa waktu lapang dan sebagainya.

Rujukan

- Abū al-Qāsim Sulaymān Ibn Aḥmad Ibn Ayyūb Ibn Muṭayyir al-Lakhmī al-Shāmī al-Tabarānī. 1995. *Al-Mu'jam Al-Awsat Al-Tabarani* (260 – 360H). Abu Mu'adh Tariq Ibn Awad Allah Ibn Muhammad & Abu al-Fadl Abd al-Muhsin Ibn Ibrahim al-Husayni (ed.), Kaherah: Dar al-Haramayn.
- Abu al-Husayn Muslim Ibn al-Hajjaj Ibn Muslim al-Qushayri al-Nishapuri. 2011. *Al Jami' Al Sahih*. (Pentahqiq) Muhammad Zuhni Effendi, Ismail Ibn Abd al-Hamid al-Hafiz al-Tarabulsi, Ahmad Rifaat Ibn Uthman Hilmi al-Qara Hisari, Muhammad Izzat Ibn Uthman al-A'frabuliwi & Abu Ni'mat Allah Muhammad Shukri Ibn Hasan al-Anqarawi, Beirut: Dar al- Tawq Al Najat.
- Abu Abdullah Muhammad Ibn Ismail al-Bukhari al-Ja'fi. 1993. *Sahih al Bukhari*, (Pentahqiq) Dr. Mustafa Dib Al-Bugha. Damsyik: Dar Al-Yamamah.
- Abdul Hafiz Hj. Abdullah & Nur Safazilah Maksom. 2020. Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Madrasah Tahfiz al-Quran Darul Ta'lim, Kampung Tengah Kluang Johor. Dlm. Mohd Yaakub Zulkifli Haji Mohd Yusoff et al (ed.), *Memperkasa Genaerasi Penghafaz Al-Quran*. Selangor: Darul Quran JAKIM. 10-22.
- Amey Rozlina Azeman, Nurul Farhana Mohd Raduan & Nur Farhana Othman. 2016. Pemilihan Makanan Di Kalangan Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka: Satu Tinjauan. *Jurnal Hospitaliti dan Jaringan*. 1(1) 71-80.
- Farzan Yahya et al. 2013. Trend of Fast-Food Consumption and its Effect on Pakistani Society. *Food Science and Quality Management*. 11 (1), 1-8.
- Ibn Kathir, Abu Fida' 'Imaduddin Ismail bin 'Umar. 2013. *Shahih Tafsir Ibnu Katsir*, terj. Al-Mubarakfuri, Shaikh Shafiyyurahman. Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir.
- Mohamad Ghazi Faris Abu Mutalib & Norazmi Anas. 2020. Pemulihan Akhlak Remaja Melalui Pendekatan Tahfiz di Malaysia: Tinjauan Awal. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 21(1), 134-140.
- Mohd Azlan Abdullah dan Noraziah Ali. 2011. Amalan Pemakanan dalam Kalangan Pelajar Universiti dan Implikasinya terhadap Pembelajaran. *Jurnal Personalia Pelajar*. 7 (14), 59-68.
- Nitin Joseph et.al. 2015. Fast Food Consumption Pattern and Its Association with Overweight Among High School Boys in Mangalore City. dlm Community Medicine Section. Vol-9(5). Mangalore: Manipal University. h. 13-17.
- Santibwana Abd Rahman, Ismarulyusda Ishak, Nor Malia Abd Warif et al. 2019. Hubungan antara Hafazan al-Quran dan Kualiti Hidup Pelajar Tahfiz di Selangor, Malaysia. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*. Isu Khas Dis, 1-11.

- Siti Salmiah. 2006. *Kadar Pengambilan Makanan Segera di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Tanjong Malim: UPSI.
- Zainora Daud, Hayati Hussin, Muhammad Lukman Ibrahim et al. 2020. Penghayatan Konsep Hamlah al-Quran dari Perspektif Adab dan Akhlak dalam Kalangan Huffaz: Satu Kajian untuk Pengukuhan. Dlm. Mohd Yaakub Zulkifli Haji Mohd Yusoff et al (ed.), *Memperkasakan Generasi Penghafaz Al-Quran*. Selangor: Darul Quran JAKIM. 202-217.
- Zetty Nurzuliana Rashed, Mardhiah Yahaya, Mohd Faez Ilias et al. 2021. Pengurusan Infrastruktur Sekolah: Kajian Kes Di Maahad Integrasi Tahfiz, Selangor (MITS). *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. 8(3), 7-17.